

# DAP ULANG PAKAT SULT

## Mahu terus k-sama p-raja dengan PAS

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD dan  
JAMALUDDIN BAKAR

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — DAP berhasrat mengadakan sekali lagi pakatan sulit dengan PAS dalam Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang. Tindakan DAP itu bertujuan memecahkan undi orang Melayu dan membolehkan kemenangan calon PAS dalam kawasan-kawasan tertentu dan sebaliknya.

Perjanjian sulit yang sama pernah ditandatangani dalam pilihanraya umum 1976 dipanggil "gentlemen agreement" tanpa hitam putih tetapi hanya per-sefahaman di peringkat pemimpin tertinggi kedua parti sahaja.

DAP berhasrat membuat demikian kerana pakatan 1976 itu memberi kesan baik kepada DAP.

Ini diakhiri sendiri oleh seorang pemimpin tertinggi DAP dan mengemukakan "Kami akan cuba berunding sekali lagi dengan pemimpin PAS untuk mengadakan pakatan seperti itu lagi".

### Amat berkesan

Pemimpin DAP itu menambah, pakatan sulit tersebut amat berkesan dalam konteks masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Kami mempunyai keyakinan PAS akan bersetuju dengan pakatan tersebut memandangkan semua kekuatan parti pembangkang dapat disatukan dengan satu matlamat iaitu mengoncoangkan monopoli dua pertiga Barisan Nasional," tegas beliau.

Secara Pakatan sulit antara DAP dan PAS memang wujud tetapi di tempat-tempat tertentu.

Katanya, ada di antara mereka mendapat bantuan kewangan dari anggota DAP seperti wang pertaruhan dan sebagainya.

Pakatan sulit itu, katanya, memberi faedah yang banyak kepada DAP kerana dengan pecahnya undi Melayu DAP dapat menawan beberapa kawasan Parlimen.

Sebagai contoh, kejayaan DAP di kawasan Parlimen Damansara dan Keluang adalah disebabkan penyertaan calon PAS dalam pertandingan tersebut.

"Jika calon PAS tidak ikut serta dalam pilihanraya kawasan berkenaan sudah tentu DAP tidak boleh menang," tegas beliau.

Esok Chan yang kini menyertai MCA setelah dipecat dari DAP tahun lalu menjelaskan, beliau tidak hairan jika pakatan sulit tersebut akan berulang lagi dalam pilihanraya akan datang.

Beberapa orang tokoh UMNO termasuk Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dan juga Tun Hussein Onn berhasrat mengemukakan bahawa DAP memang mempunyai pakatan sulit dengan PAS untuk mengoncoangkan Barisan Nasional.

### Jadi kenyataan

Tunku Abdul Rahman pernah berkata, bahawa pakatan sulit PAS-DAP sudah wujud dalam tahun 1969 dan berpendapat pakatan itu merupakan sebagai "rusa dan harimau dalam kandang".

Berlainan berkata, kemaraan pakatan itu tidak berpanjangan kerana dalam masa yang singkat masing-masing akan berkeratan dan luput per-sefahaman mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri pernah mendakwa wujudnya pakatan itu sambil memberi amaran kepada PAS bahawa parti itu akan tertipu sekiranya pakatan tersebut diteruskan.

Famalan Datuk Seri Dr. Mahathir itu menjadi kenyataan apabila PAS hanya memperoleh lima kerusi sahaja dalam pilihanraya umum 1978 manakala DAP menambahkan bilangannya 18 kerusi.

Namun demikian, dakwaan yang dibuat oleh pemimpin Barisan Nasional itu tetap dinakutkan sekiranya oleh kedua pemimpin parti berkenaan.

No. Siri 2322  
No. Penerimaan 69/85